

AKHBAR : Kosmo  
TAJUK UTAMA : 70 Pelajar Terima Biasiswa Al-Falah Madani RM970,000  
TARIKH : 10 December 2024  
MUKA SURAT : 12  
SENTIMEN : Positif

## 70 pelajar terima Biasiswa Al-Falah Madani RM970,000

KUALA LUMPUR - Seramai 70 mahasiswa terpilih menerima Biasiswa Al-Falah Madani di bawah produk myWaqafPTPTN melibatkan jumlah keseluruhan \*sebanyak RM970,000.

Biasiswa itu sebahagian daripada inisiatif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memperkasakan pendidikan tinggi melalui wakaf.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd. Na'im Mokhtar berkata, para penerima terdiri daripada asnaf, golongan tidak berkemampuan serta tidak terhad kepada mereka yang beragama Islam sahaja.



MOHD. NA'IM (tengah) bersama penerima biasiswa pada Majlis Penyampaian Biasiswa Al-Falah Madani di bawah produk myWaqafPTPTN di Kuala Lumpur semalam.

"Selain penerima asnaf yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri, penerima juga terdiri daripada mahasiswa keluarga B40 dan M40 dengan pelbagai latar belakang agama.

"Ia membuktikan pendidikan berkualiti tidak seharusnya menjadi hak eksklusif, tetapi merupakan suatu peluang yang boleh dinikmati semua pihak," katanya ketika hadir ke Majlis Penyampaian Biasiswa Al-Falah Madani di sini semalam.

Majlis itu turut berlangsung permulaan kerjasama YWM bersama Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Andorra Healthcare dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur.

Kerjasama berkenaan memberi penumpuan kepada aspek pembentukan pembangunan projek-projek wakaf berimpak tinggi, pembangunan hospital pakar dan penambahbaikan infrastruktur serta kebajikan pelajar.

## 70 Pelajar Terima Biasiswa Al-Falah Madani RM970,000

KUALA LUMPUR - Seramai 70 mahasiswa terpilih menerima Biasiswa Al-Falah Madani di bawah produk myWaqafPTPTN melibatkan jumlah keseluruhan \*sebanyak RM970,000.

Biasiswa itu sebahagian daripada inisiatif Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memperkasakan pendidikan tinggi melalui wakaf.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd. Na'im Mokhtar berkata, para penerima terdiri daripada asnaf, golongan tidak berkemampuan serta tidak terhad kepada mereka yang beragama Islam sahaja.

"Selain penerima asnaf yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri, penerima juga terdiri daripada mahasiswa keluarga B40 dan M40 dengan pelbagai latar belakang agama.

"Ia membuktikan pendidikan berkualiti tidak seharusnya menjadi hak eksklusif, tetapi merupakan suatu peluang yang boleh dinikmati semua pihak," katanya ketika hadir ke Majlis Penyampaian Biasiswa Al-Falah Madani di sini semalam.

Majlis itu turut berlangsung permulaan kerjasama YWM bersama Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Andorra Healthcare dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur.

Kerjasama berkenaan memberi penumpuan kepada aspek pembiayaan pembangunan projek-projek wakaf berimpak tinggi, pembangunan hospital pakar dan penambahbaikan infrastruktur serta kebijakan pelajar.

20241210 N60 KSM A0633 12 FC 70~pelajar~terima~biasiswa~al~alah~madani~rm970~ooo